

Belia2  
Melayu  
'berada  
di-dua  
simpang  
jalan'

# PERPENSIS anjorkan jamuan perpisahan

**SINGAPURA, Selasa** — Ahli2 Jawatankuasa Persatuan Penchak Silat Singapura (PERPENSIS) akan menganjorkan majlis jamuan perpisahan dan selamat belayar di-Jubilee Restaurant, di-North Bridge Road, Rabu esok, jam 8.30 malam.

Majlis tersebut di-maksud untuk mera'ikan penabung PERPENSIS, Haji

Ya'acob Mohamed, Naib Yang di-Pertua PERPENSIS, Enche Juma'at Sidek, bersama2 Haji Maidin Abdullah, ahli yang tertua dan Enche Munir, anggota PERPENSIS yang akan menunaikan fardhu-haji tidak berapa lama lagi.

Majlis ini juga akan mera'ikan bendahari PERPENSIS, Che'gu Salleh Ismail, yang bertugas di-Berunai bersama2 Che'gu Ismail Taramiah, anggota PERPENSIS awal tahun ini.

## SINGAPURA, Ahad

**MENTERI** Negara bagi Pejabat Perdana Menteri, Haji Ya'acob Mohamed menyuruh orang Islam khususnya orang Melayu supaya bersatu membasmi keruntuhan akhlak yang sedang berlaku dikalangan pemuda dan pemuda hari ini.

Haji Ya'acob menyatakan demikian ketika berucap di majlis perjumpaan Hari Raya anjoran Persatuan Penchak Silat Singapura, diadakan di-Madrasah Al-Ma'arif di Ipoh Lane, malam tadi.

Ia berkata, "ini-lah perjuangan kita seterusnya, memandangkan penyakit yang sedang di-hadapi oleh masyarakat kita se-

karang."

"Kita sa-patut-nya berjihad dengan penoh Azam dan tekad untuk mengatasi penyakit tersebut."

Ia menyatakan perasaan sedeh-nya bila memandangkan betapa pemuda pemudi Melayu tidak mengambil berat tentang arah yang mereka tuju.

"Mereka", kata-nya "sa-olah2 berada di-satu persimpangan jalan — satu menuju ka-jalan Islam manakala satu lagi menyimpang ka-jalan kehanchoran dan kehinaan."

Ia menggesa masharakat Melayu supaya sama2 berusaha untuk membasmi penyakit moral pemuda dan pemuda kita.

### Menampong

Haji Yaakob telah mengeshorkan agar pada tahun hadapan diadakan satu tabong memperingati Nuzul Kuran, untuk menampong perbelanjaan bagi pelajar2 mempelajari kaedah hafaz Kuran di-luar negeri.

Menurut Haji Yaakob ia akan meninggalkan Singapura bulan depan untuk menunaikan fardhu haji dan akan kembali bersama2 umat Islam di-sini untuk menegakkan kembali Shiar Islam.